

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MOHD. HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

TARIKH : 10 MAC 2015

SOALAN :

YB Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sejauhmanakah Suruhanjaya Pilihan Raya telah menimbangkan pandangan daripada NGO khususnya daripada pihak BERSIH bagi menjalankan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Parlimen dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

- perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Memelihara hubungan tempatan.

Mengikut peruntukan Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan, jika SPR telah memutuskan untuk membuat syor di bawah Fasal (2) Perkara 113 berhubung dengan mana-mana bahagian pilihan raya, SPR akan memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri. Syor Kajian Semula Persempadanan tersebut akan dipamerkan selama satu bulan di tempat-tempat seperti yang telah dinyatakan di dalam notis yang diwartakan untuk semakan dan bantahan yang akan dibuat oleh pihak-pihak yang dibenarkan oleh Perlembagaan. Pihak-pihak ini adalah Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau sekumpulan pemilih berdaftar 100 orang atau lebih yang nama mereka ditunjukkan dalam daftar pemilih semasa bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan. SPR akan menimbang semua pandangan dari rakyat Malaysia berkaitan dengan syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya yang dikemukakan kepada SPR mengikut Seksyen 5, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan setelah Notis Persempadanan di bawah Seksyen 4, Bahagian II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan diwartakan dan disiarkan.

Sekian. Terima kasih.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
SOALAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan status terakhir kajian alam sekitar (E.I.A) di muara Sungai Terengganu di kawasan Sah Bandar berkaitan dengan kerja-kerja penambakan tanah dan kesan kerja-kerja tersebut pada waktu banjir minggu terakhir bulan Disember 2014 baru-baru ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek tersebut adalah projek Kerajaan Negeri Terengganu yang mana Pemilik Projek ialah Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu dan Pengarah Projek ialah Jabatan Kerja Raya Negeri Terengganu.

Berdasarkan semakan yang telah dibuat oleh Jabatan Alam Sekitar, projek pengorekan kuala sungai berkenaan tidak tertakluk kepada keperluan EIA dan tiada laporan EIA dikemukakan.

Sekian, terima kasih.